

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]
SOALAN :**

Tuan Haji Khalid Bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kos pengurusan klinik Kerajaan di Shah Alam dan adakah klinik tersebut akan diteruskan selepas siapnya hospital Shah Alam.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi keseluruhan kos pengurusan Klinik Kesihatan Seksyen 7 Shah Alam pada tahun 2013 adalah sebanyak RM 7,073,067.25. Pengoperasian Klinik Kesihatan Seksyen 7 Shah Alam akan diteruskan kerana skop perkhidmatan yang diberikan oleh Klinik Kesihatan dan Hospital Shah Alam (Hospital Berpakar) adalah berbeza. Klinik Kesihatan Seksyen 7 Shah Alam menyediakan perkhidmatan kesihatan di peringkat kesihatan primer di mana pesakit akan dirawat secara pesakit luar dan tidak memerlukan kemasukan ke wad. Hospital Shah Alam pula menyediakan perkhidmatan rawatan pakar secara temujanji dan juga rawatan bagi pesakit dalam iaitu pesakit yang memerlukan kemasukan ke wad untuk rawatan lanjut.